



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/03/25 (HQ)

### MOGGIE HARGAI JASA WARGA KERJA TNB DI MAJLIS PERPISAHAN

Tan Sri Leo Moggie menyatakan penghargaannya kepada warga kerja Lembaga Letrik Negara/Tenaga Nasional Berhad (LLN/TNB) yang bersama-sama menjalankan tanggungjawab TNB sebagai Penggerak Kemajuan Negara.

Berucap di majlis meraikan persaraannya sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif TNB semalam (11 Mac 2020), beliau berkata legasi dan tradisi kerja TNB perlu diteruskan bagi memacu kemajuan negara di masa hadapan.

“Kemajuan industri elektrik di negara ini adalah hasil tugas dan amanah yang dilaksanakan warga kerja LLN dan TNB, dari dahulu sampai sekarang ini. Andalah yang memastikan cahaya sentiasa menerangi kehidupan kita,” katanya.

Moggie bersara bermula hari ini (12 Mac 2020) selepas 16 tahun memimpin TNB sebagai pengerusi, menjadikan beliau individu paling lama memegang jawatan itu di TNB.

Majlis turut dihadiri Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan isteri, Datin Seri Aidah Abu; isteri Moggie, Puan Sri Elizabeth dan pengurusan tertinggi TNB.

“Sepanjang 16 tahun saya berkhidmat, saya rasa bertuah kerana disokong oleh warga kerja, kesatuan, pihak pengurusan dan lembaga pengarah dalam memastikan TNB melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik dan profesional,” jelasnya.

Anak kelahiran Kanowit, Sarawak itu memegang portfolio Menteri Kabinet selama 26 tahun bermula 1978 selepas menjadi Menteri peringkat negeri Sarawak (1976-1978).

Jawatan terakhirnya dalam Kabinet adalah sebagai Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (1998-2004), sebelum memulakan khidmatnya sebagai Pengerusi TNB bermula April 2004.

Moggie akan digantikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir yang dilantik sehingga 11 Mac 2023.

S.A. 2020/03/25 (HQ)

Dalam ucapannya, Amir mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Moggie terhadap jasa dan sumbangannya sepanjang menjadi Penggerusi TNB.

“Pengalaman luas beliau dalam industri tenaga memberi manfaat yang besar kepada TNB sebaik dilantik pada 2004,” kata Amir.

Sebagai mengenang jasa Moggie, beliau mengumumkan nama pusat konvensyen baharu yang sedang dibina di Kampus Ibu Pejabat TNB Bangsar sebagai Pusat Konvensyen Tan Sri Leo Moggie.

“Dengan siapnya pusat konvensyen tersebut pada penghujung tahun hadapan, nama Tan Sri akan sentiasa terpahat di hati setiap warga kerja TNB,” tambah Amir.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 12 Mac 2020, jam 2.30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /*


*Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524*

*atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

S.A. 2020/03/25 (HQ)



Tan Sri Leo Moggie (dua dari kiri) melambai kepada warga kerja TNB semasa meninggalkan majlis perpisahannya di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan TNB, Bangsar, semalam, sambil disaksikan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan warga kerja TNB. Turut hadir, Puan Sri Elizabeth Moggie (tiga dari kiri).



Tan Sri Leo Moggie (memakai *bush jacket*, tengah) dikelilingi warga kerja TNB di majlis perpisahannya di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan TNB, Bangsar, semalam. Di sebelah kanan Moggie, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan manakala di sebelah kiri Moggie ialah isteri beliau, Puan Sri Elizabeth Moggie. Turut hadir, isteri Amir, Datin Seri Aidah Abu (di kiri Puan Sri).



Warga kerja TNB berpusu-pusu mengambil peluang berswafoto bersama Tan Sri Leo Moggie di majlis perpisahannya di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan TNB, Bangsar semalam.